

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA. PENGGAL KETIGA.
PARLIMEN KETIGA BELAS.
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 19 Mei 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan ataupun telah memperuntukkan dana khas untuk membiayai kos operasi dan perbelanjaan Mahkamah Bergerak yang sedang membuat siri jelajah di kawasan-kawasan pedalaman Sabah untuk mendengar siasatan ke atas permohonan 'Sijil Kelahiran Lewat' menurut perintah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah, Cap 123.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, pembiayaan kos operasi dan perbelanjaan Mahkamah Bergerak yang membuat siri jelajah di kawasan-kawasan pedalaman Sabah untuk mendengar siasatan ke atas permohonan 'Sijil Kelahiran Lewat' ditanggung dengan menggunakan peruntukan mengurus di bawah dasar sedia ada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

2. Setakat ini tiada dana khas diperuntukkan oleh Kerajaan bagi perbelanjaan mendengar kes-kes sedemikian. Namun begitu, Kerajaan kini sedang meneliti kaedah dan keperluan untuk meningkatkan kemudahan bagi membolehkan Mahkamah Bergerak mempercepatkan perbicaraan untuk permohonan sijil kelahiran lewat di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.